

Kesan hari pertama bersekolah

fiqh munakahat



Bersama **PROF. DATUK NOOR AZIAH MOHD. AWAL**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UKM serta Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, UKM & Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, (Yadim). Boleh dihubungi di naha61@gmail.com

RASA baru benar kita menyambut 2016 dan kini telah sampai 2017 pula. Setiap kali Januari tentunya perkara yang menjadi ingatan semua ialah hari pertama di sekolah bagi pasangan suami isteri mempunyai anak berusia tujuh tahun.

Ia sentiasa dalam ingatan. Semua sama ada sebagai kanak-kanak atau ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah untuk pertama kalinya. Dahulu ibu bapa menaruh harapan tinggi kepada guru untuk memastikan anak-anak mendapat ilmu pengetahuan dan menjadi manusia berguna. Dahulu juga kita boleh balik dari sekolah dengan lebam dan bengkak dirotan guru, apabila sampai ke rumah, ibu bapa pula merotan kerana merasa malu anaknya nakal!

Saya mempunyai pengalaman tersendiri semasa mula bersekolah. Saya anak bongsu daripada lapan beradik dan mula bersekolah semasa berusia enam tahun sebab arwah ayah merupakan seorang guru agama sebuah sekolah Inggeris. Masa kecil tiada tadika macam ini, jadi terpaksa mengikut ayah ke sekolah selama setahun sebelum memasuki sekolah sebenar.

Jadi tiada cerita menarik pada hari pertama bersekolah kerana saya kenal semua orang dan telah selesai di sekolah. Saya sangat manja dengan guru-guru dan selalu ingin ke sekolah. Saya tidak pernah dirotan guru tetapi itu mungkin kerana saya juga anak seorang guru.

Namun apabila anak sulung mula bersekolah, dia melalui pengalaman berbeza. Anak saya pada usia dua tahun telah dihantar ke tempat jagaan semasa saya belajar di England. Sekolah tersebut menerima kanak-kanak berusia dua tahun ke empat tahun setengah kerana di England pada usia empat tahun setengah, kanak-kanak telah boleh ke sekolah biasa.

Hari pertama amat menakutkan baginya. Saya terpaksa berada bersamanya dalam kelas selama seminggu. Hari pertama dan kedua saya duduk dengannya dan dipegang tangan saya erat-erat. Hari ketiga dia lepaskan tangan tetapi saya masih duduk di meja yang sama. Hari keempat saya berpindah ke meja belakang dan setiap 15 minit dia menoleh ke arah saya. Hari kelima dia sibuk bermain dan tidak lagi menoleh mencari saya.

Jangan marah anak jika dia berperangai pelik selepas balik dari sekolah. Siasat dan berinya keyakinan bertanggjawab. Jadilah ibu bapa yang prihatin dan penting kepada anak kerana ia akan kekal dalam ingatannya sehingga meninggal dunia. Selamat menjalani alam persekolahan.

Minggu kedua saya hantar dia ke sekolah tetapi saya duduk di belakang kelas sehingga habis sesi pembelajaran. Keesokan hari, saya hantarnya dan terangkan bahawa ibunya terpaksa menghadiri kelas sendiri pula dan alhamdulillah dia memahami.

Pakar psikologi kanak-kanak di tempat jagaan itu memanggil saya selepas tiga minggu anak sulung itu berada di tempat jagaan berkenaan. Dia merasakan anak saya mempunyai masalah keyakinan diri kerana mengambil masa untuk menyesuaikan diri. Dia ingin tahu lebih mendalam mengenai anak saya. Pada masa itu di England undang-undang mengenai penderaan kanak-kanak telah lama berkuat kuasa dan dia mengesyaki sesuatu.

Apabila saya sebutkan yang saya tinggalkan anak itu selama beberapa bulan dengan ibu bapa saya sebelum ini, dia terus berkata, itulah sebabnya dia merasa takut ditinggalkan.

Pengalaman berharga

APABILA balik ke Malaysia dan memasuki sekolah rendah pada usia tujuh tahun, dia tidak mempunyai sebarang masalah pada hari pertama. Tetapi pada minggu ketiga dia menangis enggan ke sekolah dan selepas diperiksa didapati pada badannya mempunyai kesan lebam. Bila ditanya apa yang berlaku, dia mengaku dicubit guru kelas sehingga berbekas dan berdarah.

Perbuatan itu menjadikan anak saya seorang penakut, tidak berkeyakinan diri dan malu. Dia enggan ke

sekolah. Akhirnya guru kelas itu mengaku mencederakan anak saya dan beberapa pelajar lain kerana mempunyai masalah rumah tangga. Dia memohon maaf namun nasi sudah jadi bubur.

Saya perlu mengambil masa yang panjang untuk memulihkan psikologi anak saya. Lepas kejadian itu sehingga dia habis darjah enam, anak saya dipulaukan. Dia bukan bodoh dan bahasa Inggerisnya sangat baik kerana bersekolah di England dari usia dua tahun hingga 5 tahun tetapi tidak dipilih untuk sebarang kegiatan dengan alasan 'takut ibu bapanya membuat laporan polis!'.

Akhirnya dia berupaya melindungi diri dengan tidak bercakap dalam kelas atau berkawan dengan ramai orang. Dia juga tidak dapat menghormati guru kerana merasakan guru bertindak mengikut

emosi. Pengalaman sekolah anak sulung selalu saya ceritakan kepada pelajar saya untuk menunjukkan bahawa penderaan terhadap kanak-kanak pada usia sangat muda boleh memberi impak besar kepadanya sehingga dewasa.

Ia juga memberi kesan kepada institusi perguruan. Ibu bapa muda yang menghantar anak ke sekolah pada hari pertama perlu memantau dan membuat pemerhatian mengenai perangai anak selepas balik.

Saya mengambil gambar kesan lebam itu, membawanya ke doktor dan membuat laporan polis. Polis datang ke sekolah dan membuat siasatan. Saya dipanggil guru besar dan didesak supaya menarik laporan polis tetapi saya enggan. Meskipun sekolah menganggap cubitan yang mencederakan anak saya itu sebagai perkara kecil, ia adalah perkara besar bagi saya.



IBU bapa dan guru perlu bijak mengawal emosi anak-anak yang baru melangkah ke alam persekolahan. - GAMBAR HIASAN